



**Muhamad Zikril (tengah) menunjukkan barang rampasan selepas proses pelupusan di Stor Ekhibit KPDNHEP Selangor, Shah Alam, semalam.**

(Foto Roslin Mat Tahir/BH)

# Barang rampasan RM188,664 dilupuskan

Mahkamah benar musnah 19 kes jenama tiruan termasuk kasut, alat ganti kereta

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, melupuskan pelbagai barang rampasan jenama tiruan berjumlah RM188,664 membabitkan 19 kes, se-malam.

Pengarahnya, Muhamad Zikril Azan Abdullah, berkata pelupusan

itu adalah kali ketujuh dan semua kes yang terbabit sudah selesai menjalani proses mahkamah, serta mendapat kebenaran untuk dilupuskan daripada mahkamah.

"Antara barangan tiruan yang dilupuskan kali ini adalah beg tangan, dompet, kasut, alat ganti kenderaan, jam tangan, jersi, produk kesihatan dan lain-lain barang."

"Semua yang dilupuskan adalah

kes rampasan barangan membabitkan pelanggaran Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Daganan 2011, Akta Hak Cipta 1987, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Jualan Langsung serta Skim Anti Piramid 1993," katanya.

Beliau berkata demikian selepas proses pelupusan ekhibit di Stor Ekhibit KPDNHEP Selangor, di sini, semalam.

Beliau berkata, secara keseluru-

han bermula Januari hingga Julai ini, KPDNHEP melupuskan pelbagai barangan tiruan bernilai RM1.29 juta membabitkan 107 kes.

Katanya, kerja pelupusan akan dilakukan mengikut nilai serta barangan rampasan yang ada.

"Memandangkan jumlah barangan rampasan serta nilainya tinggi di Selangor; maka pelupusan dilakukan sebulan sekali atau dua bulan sekali.

"KPDNHEP juga ingin memberi

amaran kepada mana-mana peniaga, agar tidak terbabit menjual barangan tiruan manakala pengguna pula dinasihatkan untuk tidak membeli barang tiruan kerana se-lain tidak berkualiti, ia juga se-bagai inisiatif melindungi harta intelek pemilik cap dagang.

"Kita juga sering bekerjasama dengan pemilik cap dagang untuk mendapatkan maklumat, sebelum melakukan operasi barangan tiruan," katanya.